

DBKL tutup pusat proses, sembelih ayam kotor

Arahan dikuat kuasa serta-merta dalam operasi dilaksanakan agensi

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak menutup pusat penyembelihan ayam dan pusat pemrosesan makanan ayam di Taman Perindustrian IKS dan Spring Crest Industrial Park, dekat sini selepas didapati keadaannya yang kotor.

DBKL dalam satu kenyataan, berkata dalam operasi yang dijalankan jam 2 pagi kelmarin, premis terbabit ditutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan berkuat kuasa serta-merta.

Operasi ini membabitkan kakitangan Unit Kawalan Makanan dan Air, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL.

“Empat premis diperiksa dan hasil pemeriksaan mendapati lantai, dinding dan tahap kebersihan premis dalam keadaan tidak memuaskan di premis pertama.



Penguat kuasa DBKL memeriksa kilang sembelih dan memproses ayam dalam operasi di Kuala Lumpur.

“Selain itu, tiada perangkap minyak dipasang dan sisa dialirkan terus ke longkang awam serta pengusaha premis gagal mengemukakan dokumen seperti lesen, suntikan pelalian tifoid, kursus dan kawalan perosak,” katanya dalam satu kenyataan.

Lesen dibatal

DBKL berkata, di premis kedua kilang didapati tidak beroperasi kerana lesen dibatalkan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan

Perniagaan.

“Premis ketiga pula, tindakan pendidikan kesihatan berkaitan kehendak kesihatan diberikan kepada pemilik premis.

“Di premis ketiga, kilang penyembelihan ayam memenuhi kehendak kesihatan terdapat loji rawatan air untuk pengurusan sisa air; pengendali memakai apron dan penutup kepala serta penyembelih adalah warganegara dan telah mendapat latihan dari Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM).

“Sementara itu, premis keempat turut dikenakan tindakan pendidikan kesihatan berkaitan kehendak kesihatan diberikan kepada pemilik premis.

“Premis keempat, tidak menjalankan aktiviti sembelih ayam, hanya pembungkusan.

“Kebersihan memuaskan dan semua pengendali mengemukakan suntikan pelalian tifoid dan kursus pengendalian makanan,” katanya.